

# **PENDEKATAN PALING EFEKTIF DALAM MENDEKATKAN WARGA TENTERA KEPADA AGAMA**

**Lt Kol Dr. Mohd Mazli Mohd Aini**  
**Pegawai Staf 1 Agama**  
**MPOU**

## **PENDAHULUAN**

Angkatan tentera sebagai organisasi terpenting dalam sesebuah negara merupakan aset kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa. Tanpa kekuatan ketenteraan yang benar-benar mantap, kemakmuran sesebuah negara tidak mungkin akan tercapai dengan sepenuhnya. Justeru itu sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia tidak ketinggalan dalam memajukan kualiti dan kuantiti angkatan tenteranya. Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera atau ringkasnya KAGAT pada 16 April 1985<sup>1</sup> merupakan sebahagian daripada usaha-usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan akhlak dan seterusnya mendekatkan diri warga tentera kepada ajaran agama.

Penubuhan KAGAT adalah seiring dengan hasrat kerajaan iaitu membantu pihak kerajaan merealisasikan usaha penerapan nilai-nilai Islam di dalam organisasi ketenteraan di samping berusaha untuk melahirkan warga tentera yang beriman, mempunyai hubungan yang baik dengan Allah Taala, berdisiplin, dan bertakwa berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan.<sup>2</sup> Kerana itulah kalau kita melihat motto yang tertera dalam logo KAGAT sendiri iaitu "*Berjuang dan Berakhlak*" melambangkan tugas sebenar KAGAT dalam ATM iaitu membangunkan akhlak warga tentera agar ianya sejajar dengan kehendak Islam. Tugas tersebut mula dilaksanakan oleh KAGAT bermula daripada hari penubuhannya sehinggalah ke hari ini.

### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Nilai peribadi dan berakhlak mulia merupakan aset paling berharga yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Malah kalau kita melihat kepada matlamat perutusan baginda Rasulullah (s.a.w.) kepada manusia sejagat adalah untuk memperbetulkan akhlak manusia yang sudah begitu rosak pada ketika itu. Manusia tenggelam dalam kehidupan jahiliah yang menguasai penduduk Arab yang jelas menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

Kesemuanya ini boleh berlaku hanyalah disebabkan oleh kedegilan dan kedangkalan manusia untuk berakhlak dengan akhlak yang dikehendaki oleh Islam. Kalau kita melihat kepada apa yang berlaku dalam senario kehidupan masyarakat jahiliah suatu ketika dahulu dengan fenomena keruntuhan akhlak yang amat ketara pada hari ini maka kita perlu merenung dan mengkaji semula adakah gejala-gejala negatif yang menguasai peradaban dunia suatu ketika dahulu tidak lagi menjadi amalan dalam kehidupan zaman yang serba moden ini? Namun hakikat yang terpaksa kita terima bersama ialah keadaan dan suasana demikian sebenarnya masih lagi berlaku dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini.

Kehidupan dalam kem-kem tentera suatu ketika dahulu juga tidak terlepas daripada fenomena yang sedemikian. Sebagai contohnya bagi pegawai-pegawai muda yang baru melapor di pasukan telah dikenakan rasing yang begitu ketara sekali penyimpangannya dari sudut akhlak Islam<sup>3</sup>. Mereka dikehendaki membawa perempuan bukan *mahram* ke mes pegawai, dipaksa dan diajar meminum minuman keras, didera dan dihukum jika gagal melaksanakan arahan senior walaupun kadang-kadang arahan tersebut langsung tidak bersesuaian dengan kehendak agama dan naluri manusia. Berbagai-bagai lagi asuhan dan ajaran yang dikenakan terhadap pegawai-pegawai baru yang langsung tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Kesemuanya ini sebenarnya adalah kesan daripada peninggalan penjajah yang pada suatu ketika dahulu merupakan nadi kepada Angkatan Tentera Malaysia dan menjadi lambang kepada rosaknya akhlak warga tentera suatu ketika dahulu.

Itulah sebahagian daripada paparan-paparan yang berlaku dalam kem-kem tentera suatu ketika dahulu yang memerlukan kepada perubahan agar kehidupan warga tentera dapat diolah dan dicernakan mengikut acuan sebenar sebagaimana yang telah diajar oleh Islam. Penubuhan KAGAT dalam Angkatan Tentera Malaysia sedikit sebanyak telah berjaya mendekatkan diri warga tentera kepada ajaran agama. Sebagai contohnya dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh KAGAT, arak telah berjaya diharamkan dalam semua kem-kem tentera.<sup>4</sup> Sedangkan sebelum daripada ini arak merupakan perkara biasa dalam kem-kem tentera. Lebih daripada itu lagi warga tentera boleh dikenakan hukuman jika di dapati mabuk ketika berada di dalam kawasan kem.<sup>5</sup>

Pada asasnya persoalan akhlak yang ingin ditimbulkan oleh penulis dalam kajiannya adalah bertitik tolak daripada seruan pihak kerajaan agar penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan dalam semua perkhidmatan kerajaan. ATM sebagai salah sebuah organisasi kerajaan tidak terlepas daripada tanggungjawab melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Lebih-lebih lagi dalam organisasi ketenteraan yang terkenal dengan mutu disiplin yang tinggi dan taat kepada arahan pihak atasan. Seruan kerajaan sepatutnya disambut terlebih dahulu oleh warga tentera daripada organisasi yang lain kerana cogan kata “*Taat Setia*” sering menjadi siulan biasa warga tentera. Apabila kerajaan melaungkan penerapan nilai-nilai Islam maka ianya mestilah disambut dengan bersungguh-sungguh bukan sekadar janji-janji yang ditaburkan di atas kertas tetapi dari sudut pengamalannya diibaratkan seperti jauh panggang dari api.

## **1.2 MASALAH KAJIAN**

Kecermelangan organisasi merupakan cita-cita bagi setiap pertubuhan. KAGAT ditubuhkan adalah bertujuan memastikan kehidupan warga tentera bertepatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Permasalahannya ialah semenjak tertubuhnya KAGAT sehinggalah ke hari ini, sejauhmanakah KAGAT mampu untuk merealisasikan matlamat penubuhannya. Penulis berkata demikian adalah kerana kalau kita mahu melihat kehidupan warga tentera selaras dengan acuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam maka sebahagiannya boleh diselesaikan melalui kesedaran yang wujud dalam setiap individu warga tentera. Ini boleh dilakukan dengan memperbanyakkan aktiviti kerohanian agar timbul kesedaran beragama dalam diri setiap peribadi. Kadang-kadang ianya tidak dapat

diselesaikan melainkan perlu diwujudkan pengawasan daripada pihak atasan dalam menguatkuasakan undang-undang. Jika berlaku demikian maka pihak pemerintah di pasukan perlu berperanan dalam mengeluarkan arahan-arahan yang wajib dipatuhi dalam memastikan ianya dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Kadang-kadang kedapatan juga beberapa kes yang seolah-olah pihak atasan pula yang menggalakkan berlakunya gejala sosial dalam kem-kem tentera dan seterusnya menjadi batu penghalang kepada usaha-usaha mendekatkan warga tentera kepada ajaran agama.

Apa yang dapat disimpulkan oleh penulis di sini ialah saranan untuk mencari pendekatan yang terbaik bagi mendekatkan diri warga tentera kepada agama mestilah kita fikirkan bersama bagi melahirkan kualiti manusia yang unggul. Manusia selama-lamanya tidak akan mencapai tahap kehidupannya yang sempurna jika hubungan mereka dengan penciptanya tidak baik. Penulis di dalam penulisan ini akan sedaya upaya menyingkap permasalahan akhlak yang berlaku dalam kehidupan warga tentera dan cuba memberikan jalan penyelesaian terbaik ke arah melahirkan kualiti ketenteraan yang bukan sahaja menjadi perhatian dunia tetapi yang lebih utama mendapat pertunjuk dan hidayah daripada Allah (s.w.t.) yang akhirnya selamat kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

## **2.1 DASAR PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM (PMAT 9/91) DAN HUBUNGANNYA DALAM MELAHIRKAN WARGA TENTERA YANG MENCINTAI AGAMA**

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM adalah merupakan satu arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak tertinggi Angkatan Tentera Malaysia bertujuan merealisasikan penerapan nilai-nilai Islam dalam ATM. Ianya telah diluluskan pada tahun 1991 oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera yang kemudiannya dikenali sebagai PMAT 9/91.<sup>6</sup> Lulusnya PMAT ini di peringkat tertinggi ATM menjadi bukti pengiktirafan kepada peranan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia dalam ATM. Dasar ini juga akan memberikan satu kekuatan kepada KAGAT untuk melaksanakan tugasnya dalam membentuk akhlak warga tentera dan memberikan pendidikan Islam yang sempurna kepada mereka. Penguatkuasaan dan pelaksanaan PMAT 9/91 dalam ATM amat penting kepada KAGAT kerana dengan lulusnya PMAT ini di peringkat tertinggi angkatan tentera maka ianya membawa maksud bahawa semua pihak dalam ATM wajib melaksanakan segala tuntutan yang termaktub di dalamnya tanpa ada sebarang bantahan.

Dasar ini menghendaki setiap warga tentera Malaysia yang beragama Islam wajib mentaati agama Islam sepenuhnya dan menghayatinya dengan penuh keinsafan dan kesedaran. Dasar ini juga mewajibkan setiap anggota tentera menerima pendidikan khas bagi tujuan pembinaan mental dan spiritual di samping pembinaan jasmani dan fizikal yang telah sedia ada.<sup>7</sup> Pendidikan mental lebih menjuruskan kepada mewujudkan ketahanan mental melalui ilmu-ilmu pengetahuan Islam seperti Ilmu Fardhu 'Ain, Fardhu Kifayah, Jihad, kekeluargaan, Akhlak, Kepimpinan, Ibadah, Tamadun Islam dan Tasawwur Islam. Ilmu ini diajar kepada setiap anggota tentera melalui kelas pengajian pasukan atau kelas pengajian Kuliah Maghrib. Selain daripada itu, ilmu-ilmu ini

juga diajar melalui kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh KAGAT.

Pendidikan spiritual pula lebih kepada mewujudkan ketahanan spiritual melalui latihan dan penghayatan amal Islam yang sahih dan tepat. Setiap anggota tentera wajib memiliki ciri seorang muslim dan mukmin serentak. Justeru itu, untuk melahirkan seorang anggota tentera yang memiliki ciri-ciri Muslim, Mukmin dan Muhsin, latihan dan pentarbiyahan mestilah diamalkan dan dihayati dengan penuh keikhlasan melalui bacaan al-Ma,thurat, Qiamullail, Halaqah Zikir (Majlis Zikir), Tilawah al-Quran dan solat-solat fardhu secara berjemaah serta solat-solat sunat. Amalan-amalan yang sedemikian apabila dilaksanakan dan dihayati dengan penuh keimanan dan keikhlasan akan melahirkan perajurit-perajurit yang mempunyai nilai akhlak dan kualiti mutu juang yang tinggi. Bagi menjamin wirid-wirid yang diamalkan oleh anggota tentera tidak menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenar, KAGAT telah memberikan garis panduan yang jelas dengan menetapkan bahawa wirid-wirid yang telah dikenalpasti datangnya daripada Rasulullah (s.a.w.) sahaja yang akan dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian warga tentera. Kesemuanya ini adalah amat penting bagi melahirkan tentera yang beretika dan berkualiti kerana sejarah telah membuktikan bahawa panglima-panglima dan perajurit-perajurit Islam zaman silam telah memperolehi kekuatan mental melalui zikir-zikir dan ibadah Qiamullail di dalam usaha mendidik jiwa-jiwa pejuang mereka.<sup>8</sup>

## **2.2 PERMASALAHAN PELAKSANAAN PMAT 9/91**

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh penulis sebelum ini bahawa kejayaan KAGAT untuk melahirkan golongan tentera yang dekat kepada agama banyak bergantung kepada sejauhmana PMAT ini berjaya dilaksanakan. Kegagalan melaksanakan arahan yang termaktub di dalam PMAT ini akan membawa kesan yang amat negatif ke arah usaha-usaha pembentukan akhlak. Hasil daripada pengamatan penulis, memang terdapat beberapa permasalahan di dalam menjayakan PMAT tersebut. Penulis berpendapat bahawa permasalahan yang berlaku berpunca daripada tiga faktor utama iaitu:

### **a. Faktor Warga KAGAT.**

Faktor yang berpunca daripada warga KAGAT sendiri adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan pelaksanaan PMAT 9/91 tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana terdapat dalam kalangan warga KAGAT sendiri yang tidak menjadikan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM sebagai amalan seharian mereka. Mereka sepatutnya menjadi contoh dan ikutan kepada orang lain. Sebagai pendakwah warga KAGAT mestilah menghayati sepenuhnya perkara-perkara yang menjadi dasar agama seperti sembahyang secara berjemaah, membaca zikir al-Ma,thurat setiap pagi dan petang, membaca al-Quran dan membaca hadis-hadis Nabawi sebanyak yang mungkin dalam sehari.

Namun realiti yang berlaku adalah sebaliknya. Ada dalam kalangan warga KAGAT begitu bersemangat mengajak warga tentera solat secara berjemaah di dalam ceramah-ceramah, menceritakan tentang kelebihan solat berjemaah, namun apa yang berlaku mereka sendiri begitu sukar untuk melaksanakan solat secara berjemaah apabila mereka tidak berada di dalam kem-kem tentera. Mereka hanya pandai bercakap namun hakikatnya mereka juga begitu sukar mengunjungi masjid ataupun surau untuk bersolat jemaah bersama masyarakat setempat di tempat mereka menetap.<sup>9</sup> Berapa ramai warga KAGAT yang menjadikan amalan pembacaan al-Ma,thurat sebagai santapan rohani mereka pada setiap hari? sedangkan kesemua perkara yang dinyatakan oleh penulis di atas telahpun diPMATkan dan ianya memang di dalam pengetahuan semua warga KAGAT.

Selain daripada itu, ada di antara pasukan yang langsung sepi dengan program-program keagamaan khususnya aktiviti yang melibatkan PMAT 9/91. Namun demikian faktor kekurangan anggota KAGAT di pasukan juga perlu diambil kira kerana apabila KAGAT mengalami masalah kekurangan anggotanya di pasukan menyebabkan penumpuan masa secukupnya tidak dapat diberikan bagi memantau setiap aktiviti agama yang dilaksanakan di pasukan.

#### **b. Faktor Warga Tentera.**

Faktor yang kedua ialah berpunca daripada anggota tentera sendiri yang sememangnya tidak berminat kepada aktiviti-aktiviti keagamaan. Ianya berpunca mungkin kerana kurangnya ilmu dan kesedaran berkenaan pentingnya penghayatan agama dalam kehidupan seharian. Ada pasukan-pasukan yang melaksanakan aktiviti ini sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Ada dalam kalangan pegawai-pegawai tentera yang hanya mengarahkan anggota-anggota dibawahnya menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan, tetapi mereka sendiri tidak menghadirkan diri dengan mencipta pelbagai alasan.<sup>10</sup>

Lebih menjadi masalah lagi ada dalam kalangan Pegawai-pegawai Memerintah sendiri yang kurang memberikan sokongan kepada pelaksanaan PMAT 9/91 di pasukan, dengan alasan anggota-anggota sibuk dengan *duty* dan tugas harian bahkan yang lebih negatif lagi menganggap pelaksanaan PMAT 9/91 cukup sekadar memenuhi masa yang diperuntukkan bagi memenuhi aktiviti agama tahunan sebagaimana yang telah dirancang tanpa memikirkan kesan yang sepatutnya dirasai oleh anggota tentera apabila mereka menghayati setiap program yang telah diatur.

#### **c. Kesibukan Pasukan Dengan Pelbagai Aktiviti.**

Faktor-faktor lain yang mengganggu keberkesanan pelaksanaan PMAT 9/91 berdasarkan kepada pengamatan penulis ialah kesibukan pasukan ataupun formasi dengan aktiviti-aktiviti hariannya. Ada di antara pasukan atau unit yang menjadi destinasi lawatan pemimpin-pemimpin tertinggi ATM, pemimpin-pemimpin kerajaan samada kerajaan pusat atau

kerajaan negeri. Selain daripada itu pasukan juga sering terlibat dengan latihan-latihan tempatan dan latihan operasi yang sedikit sebanyak mengganggu pelaksanaan PMAT 9/91. Namun demikian faktor-faktor seperti ini bukanlah merupakan penyebab utama kepada ketidakberkesanan pelaksanaan PMAT 9/91 di unit-unit atau pasukan kerana sebenarnya aktiviti keagamaan boleh diselaraskan dengan aktiviti seharian jika dikoordinasikan dengan baik di antara pejabat agama pasukan dengan pihak pentadbiran di unit ataupun di pasukan. Terserahlah kepada pasukan masing-masing kerana pepatah melayu ada menyebut "*hendak seribu daya tak hendak seribu dalih*".

### **3.1 SARANAN KAJIAN**

Setelah perbincangan dilakukan oleh penulis, di sini penulis ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan bagi mencari jalan terbaik ke arah merealisasikan harapan untuk melahirkan warga tentera yang baik khususnya dalam hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.).

Antara cadangan yang boleh diutarakan oleh penulis bagi melahirkan warga tentera yang cinta kepada agama ialah ;

#### **3.1.1 Tapisan Ketat Ketika Pengambilan Baru Anggota Tentera.**

Tapisan yang agak ketat di peringkat awal iaitu ketika sesi pengambilan rekrut dan pegawai kadet perlu diambil kira kerana disinilah bermula segala-galanya. Tapisan yang rapi perlu dilaksanakan merangkumi ketiga-tiga cabang perkhidmatan khususnya yang melibatkan pendidikan agama dan moral. Kelemahan dalam pengetahuan keagamaan dan moral terbukti ketika rekrut memulakan latihannya di Pusat Latihan Asas Tentera Darat apabila wujudnya kes-kes di luar jangkaan yang melibatkan asas fardhu ain dan fardhu kifayah seperti gagal mengucap dua kalimah syahadah, buta al-Quran, tidak tahu mengerjakan sembahyang, tidak berkhatan dan sebagainya. Pendidikan akhlak yang bakal diterapkan ketika berada di Pusat Latihan akan menjadi semakin rumit jika faktor penapisan keagamaan ini sentiasa dipinggirkan oleh pihak atasan. Di atas kesedaran inilah maka perlu diwujudkan satu tim yang menilai pengambilan rekrut dan pegawai kadet berdasarkan tahap pendidikan fardhu ain dan fardhu kifayah.

#### **3.1.2 Syarat Kenaikan Pangkat.**

Selain daripada itu di peringkat lembaga kenaikan pangkat juga perlu diberikan perhatian yang lebih serius. Kebolehan seseorang anggota perlu dinilai dan diuji dari segi tahap pengetahuan agama (fardhu ain/kifayah) sebelum dipilih untuk diproses ke arah kenaikan pangkat. Natijahnya akan dapat melahirkan anggota yang memiliki tahap pengetahuan agama yang tinggi dan mempunyai nilai akhlak yang terpuji seterusnya menjadi contoh ikutan bagi melahirkan sebuah organisasi yang berkemampuan untuk menuju ke puncak kegemilangan.

### **3.1.3 Memperbanyak Aktiviti Berbentuk Keagamaan.**

Seterusnya antara fakta yang perlu juga diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan program keagamaan dan motivasi. Program-program yang sedemikian perlulah diperbanyakkan bagi memberi kesedaran kepada anggota terhadap implikasi-implikasi yang bakal timbul hasil daripada penglibatan mereka dalam kes-kes yang melibatkan jenayah dan salahlaku moral. Setiap program yang dianjurkan perlulah dirancang dengan lebih teratur bagi memastikan penglibatan anggota yang lebih menyeluruh dengan dimasukkan aktiviti tersebut ke dalam PERBAH 1.<sup>11</sup> Pihak atasan juga perlu memberi penekanan serius agar setiap program keagamaan yang dianjurkan mendapat sambutan dan memberikan kesan yang semaksima mungkin kepada seluruh peringkat anggota pelbagai pangkat yang melibatkan anggota peringkat bawahan dan pegawai.

### **3.1.4 Pelaksanaan PMAT 9/91 Secara Menyeluruh.**

Mempertingkatkan nilai spritual dan kerohanian di dalam diri setiap warga tentera muslim adalah di antara perkara yang banyak memberikan sumbangan ke arah mewujudkan warga tentera yang berakhlak di samping dapat mengurangkan masalah gejala sosial dan jenayah. Usaha-usaha untuk memupuk pembangunan spiritual yang menjadi benteng pertahanan individu sememangnya perlu ditingkatkan dan diambil perhatian oleh semua peringkat dalam ATM. Bagi memastikan proses pembinaan mental dan spritual terlaksana dengan sempurna maka senjata utama KAGAT perlulah digunakan dengan semaksima mungkin. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah pelaksanaan sepenuhnya Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam atau PMAT 9/91 dalam setiap aktiviti harian pasukan atau formasi. Jika PMAT ini dapat dilaksanakan dengan sempurna di semua peringkat maka ianya akan memberikan sumbangan yang amat bermakna ke arah pembentukan akhlak dan nilai murni warga tentera keseluruhannya.<sup>12</sup>

### **3.1.5 Menilai kembali Aktiviti Yang Bercanggah Dengan Akhlak Islam.**

Segala bentuk program yang bertentangan dengan akhlak Islam mestilah dinilai kembali secara keseluruhannya. Menyedari hakikat bahawa kemungkaran wajib dihapuskan semampunya kerana ianya merupakan tonggak kepada keruntuhan akhlak dan punca jauhnya manusia daripada penciptanya, maka perlu diadakan suatu kajian mendalam terhadap semua tradisi ketenteraan bagi mengenalpasti dengan jelas, mana yang bercanggah dan mana pula yang tidak bercanggah dengan akhlak Islam. KAGAT mungkin akan gagal di dalam melaksanakan tanggungjawabnya membawa warga tentera agar dekat kepada agama sekiranya perkara-perkara yang bertentangan dengan akhlak Islam masih lagi dipertahankan di dalam organisasi. Ini adalah kerana KAGAT tidak berupaya untuk mengubah dasar dan polisi dalam ATM. KAGAT hanya sekadar memberikan nasihat dan tidak lebih daripada itu. Oleh yang demikian kerjasama utuh antara pihak KAGAT dan kepimpinan tertinggi ATM perlulah sentiasa terjalin agar apa yang dicita-citakan bersama untuk melihat warga tentera mempunyai nilai-nilai akhlak yang berkualiti dapat dijelmakan bukan sahaja dari

sudut teori malah lebih daripada itu ianya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

### **3.1.6 Anggota KAGAT Perlu Turun Padang.**

Anggota KAGAT yang bertugas di pasukan juga sewajarnya lebih efisien di dalam tugas mereka dengan turun ke bawah melihat dan menilai permasalahan utama yang melibatkan akhlak warga tentera dan bukan hanya sekadar menunggu dan meninjau daripada Pejabat Agama sahaja. Berdakwah hanya di masjid atau di surau kurang memberikan kesan untuk melahirkan warga tentera yang cinta pada agama kerana kebanyakan daripada permasalahan yang dihadapi ialah dalam kalangan warga tentera yang tidak berminat untuk datang ke masjid ataupun surau. Justeru itu anggota KAGAT perlu mendampingi mereka dan membimbing mereka ke jalan yang direndhai agama.

### **3.1.7 Khutbah Yang Berkesan.**

Khutbah memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran akan keperluan mendekati diri kepada agama. Namun khutbah yang lesu, kaku dan tidak semasa tidak akan memungkinkan melahirkan warga tentera yang cinta kepada agama. Oleh yang demikian KAGAT perlu memberikan perhatian sewajarnya bagi memastikan khutbah yang disampaikan memberikan kesan yang positif dalam kehidupan warga tentera.

### **3.1.8 Membudayakan Takut Kepada Allah Melebihi Takut Kepada Manusia.**

Bagi melahirkan warga tentera yang dekat kepada agama maka budaya takut kepada kemurkaan Allah Taala perlulah diterapkan di dalam diri setiap warga tentera. Apabila perasaan yang sedemikian sentiasa menjadi kayu pengukur dalam segala tindakan mereka, maka sudah pastilah mereka akan lebih merasakan perlunya menjadikan agama sebagai panduan dalam kehidupan yang akhirnya akan menjadikan mereka taat pada segala suruhan agama.

### **3.1.9 Menghidupkan Solat Jemaah Pada Waktu Kerja.**

Kekerapan menghadirkan diri di Surau Pasukan melambangkan dekatnya individu muslim kepada agama mereka. Justeru itu adalah dicadangkan kepada semua pegawai rentah agar menghidupkan solat Fardhu Zohor dan Asar secara berjemaah di pasukan masing-masing. Kuasa yang diberikan kepada setiap Pegawai Rentah memungkinkan semua ini boleh dilaksanakan dengan sempurna. Terpulanglah kepada setiap Pegawai Rentah untuk merealisasikan perkara ini kerana mereka mampu untuk melaksanakannya.

### **3.1.10 Menghidupkan Qiamullail di Pasukan.**

Proses ini juga boleh membantu untuk menjadikan warga tentera sentiasa dekat kepada agama. Tengah malam merupakan masa yang paling sesuai bagi manusia menghitung diri masing-masing. Jika kita lihat kepada sejarah perjuangan para sahabat nabi, mereka merupakan rahib di malam hari sedangkan

pada waktu siang mereka jugalah yang menjadi tentera-tentera islam yang sentiasa berjuang dan sentiasa mendapat pertolongan daripada Allah Taala. Maka sesuatu yang realistik kalau kita menjadikan aktiviti Qiamullail sebagai wasilah untuk melahirkan warga tentera yang sentiasa dekat kepada agamanya.

### **3.1.11 Aktiviti-Aktiviti Keagamaan di Bilik Tahanan.**

Sebagaimana yang dimaklumi bersama bahawa di bilik-bilik tahanan di dalam kem tentera telah menempatkan warga tentera yang mengalami berbagai-bagai kesalahan disiplin dan jenayah. Sewajarnya kesempatan yang sedemikian perlu diambil bagi mencorakkan semula kehidupan mereka agar selaras dengan kehendak islam. Kelas-kelas agama boleh diatur mengikut kesesuaian pencapaian mereka. Guru Agama Pasukan dengan kerjasama Polis Pasukan boleh berbincang bagi mengatur program bersama yang akan mengembalikan mereka kepada ajaran agama sebenar.

### **PENUTUP**

Bagi menghadapi era globalisasi yang lebih canggih dan moden ini KAGAT perlu menyusun strategi dakwahnya agar lebih mantap, berkualiti dan realistik supaya apa yang dilaksanakan seiring dengan suasana semasa dan ianya tidak dianggap keterbelakangan. Di samping kerjasama seutuhnya daripada setiap Pegawai Rentah dalam memberikan sokongan kepada setiap aktiviti keagamaan akan mempercepatkan lagi proses melahirkan warga tentera yang dekat kepada agama sebagaimana yang diharapkan oleh kepimpinan tertinggi ATM.

### **NOTA Hujung**

- 
- 1 Minit Mesyuarat Khas Majlis Angkatan Tentera yang telah diadakan di bilik Mesyuarat B Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 24 hb Jun 1980. Lihat juga risalah “ *Perihal Penubuhan Asal*” h. 1. Lihat Juga Arahan Pentadbiran KAGAT No 1 h. A1-1.
  - 2 Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera (1997), *Arahan Pentadbiran KAGAT No. 1*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan, h. 1.
  - 3 Berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri melihat situasi yang sedemikian ketika berkhidmat di Kem Majidee Johor Bahru dan ianya merupakan perkara yang biasa berlaku di Mes Wisma Perwira ketika pegawai-pegawai baru yang tamat latihan kadet melapor diri ke unit-unit baru mereka.
  - 5 Berita Harian, *ATM Haram Penjualan Arak di Kem*, September 1998, h. 6.
  - 6 Lihat MKTD/G 1/402 (NEG) di bawah tajuk *Arahan Pengharaman Arak Dalam Angkatan Tentera Malaysia*. bertarikh 18 Mei 1998.

- 
- 7 PMAT 9/91 telah diluluskan secara rasminya di dalam persidangan Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera. Tarikh rasmi penguatkuasaan PMAT tersebut ialah pada 20 Mei 1991.
- 7 *Ibid.*, h. 1-2.
- 8 Bagi memastikan wirid yang diamalkan oleh anggota tentera tidak menyeleweng daripada landasannya maka KAGAT telah menetapkan di dalam PMAT 9/91 hanya zikir al-Ma,thurat yang telah disusun oleh Imam al-Syahid Hasan al-Banna sahaja yang diperakui dalam ATM dan boleh diamalkan di dalam kehidupan seharian. Selain daripada wirid tersebut maka ianya perlu dirujuk kepada pihak yang berkuasa bagi memastikan ianya tidak menyeleweng daripada ajaran Islam.
- 9 Penulis berkata demikian adalah berdasarkan kepada realiti kehidupan penulis sendiri yang tinggal di dalam satu kawasan yang didiami oleh ramai warga KAGAT. Sebahagian besar daripada mereka tidak melakukan solat secara berjemaah di surau. Mereka seolah-olah tiada beza dengan warga tentera yang lain.
- 10 Pengalaman yang sedemikian telah dialami sendiri oleh penulis ketika berkhidmat di Batalion Pertama Rejemen Renjer di Raja selama tiga tahun di mana aktiviti-aktiviti agama kebiasaannya hanya dihadiri oleh anggota-anggota peringkat bawahan sahaja.
- 11 PERBAH 1 bermaksud perintah dan arahan yang dikeluarkan pada setiap hari dan ianya perlu dipatuhi oleh setiap warga tentera yang bernaung di bawah sesebuah pasukan atau formasi. Sebarang perbuatan ketidakpatuhan terhadap arahan ini menyebabkan anggota tentera terbabit boleh dikenakan tindakan disiplin.
- 12 Penulis menyatakan demikian adalah berdasarkan kepada silibus yang terdapat di dalam PMAT 9/91 di mana programnya memenuhi segala bentuk aspek keperluan rohani warga tentera dan sekiranya ianya diolah dengan sempurna sudah pasti akan melahirkan warga tentera yang benar-benar berkualiti iman dan akhlakunya.